

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 08 SEPTEMBER 2016

Terjah Aedes bukti kesungguhan

Kerajaan negeri beri keutamaan banteras penularan wabak denggi, Zika ➔

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM – Memerangi pembiakan nyamuk aedes akan menjadi keutamaan dalam mengawal penularan wabak denggi dan virus Zika untuk kesejahteraan masyarakat.

Perkara itu dinyatakan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwat Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi ketika hadir merasmikan program Terjah Aedes anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di Pusat Komersial Seksyen 7, Shah Alam, di sini.

"Seperti yang kita maklum, nyamuk aedes bukan sahaja vektor kepada penularan denggi, malah menjadi penyumbang kepada risiko demam chikungunya dan terbaru

virus Zika.

"Virus Zika boleh menyebabkan kecacatan otak manakala denggi pula mampu membawa kepada kematian," katanya.

Program itu turut mendapat sokongan penuh daripada Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari.

Menurut Daroyah, komitmen dan peranan semua pihak perlu digembleng bagi membantu mencatatkan penurunan statistik dan jumlah kes khususnya di Selangor.

"Bagi kes denggi di Selangor, daerah Petaling masih lagi menjadi kawasan mencatatkan kes denggi tertinggi.

"Antara tiga kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) masih mencatatkan kes terendah

berbanding Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

"Namun, kita harap statistik di semua kawasan bakal mencatatkan penurunan dari semasa ke semasa," katanya.

Sementara itu, dalam program sama, Daroyah turut merasmikan pelancaran Unit Tindakan Denggi (UTD) MBSA yang ditempatkan di kawasan mempunyai tempoh wabak melebihi 100 hari atau melebihi 100 kes.

"UTD ini juga menyasarkan penurunan kes denggi.

"Pada masa sama, kerajaan negeri telah mengenal pasti satu produk untuk membunuh nyamuk aedes dan MBSA akan menjadi perintis kepada projek ini," katanya.



Daroyah turut serta dalam slot terjah ke beberapa premis kediaman di sekitar Pusat Komersial Seksyen 7.